

## KURSUS PERSEDIAAN SEBAGAI MODERATOR FORUM

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Kursus Persediaan Sebagai Moderator Forum pada 5 hingga 7 Oktober 2021 secara dalam talian melalui pelantar Zoom. Secara keseluruhannya, kursus ini telah disertai oleh seramai 23 orang peserta. Peserta terdiri daripada warga INSTUN dari kalangan penceramah dan penceramah muda dan pelbagai gred.


Objektif kursus ini ialah untuk memberi penekanan kepada teori dan teknik pengacaraan majlis yang berkesan, menerapkan keyakinan diri semasa menjadi pengacara majlis serta teknik penyediaan dan pengolahan skrip pengacara majlis yang betul.

Penceramah jemputan ialah Encik Shahril bin Sarapudin. Beliau seoang penerbit rancangan, pengacara tv dan pengacara majlis profesional serta Master Trainer IKON Academy. Beliau merupakan penceramah yang hebat berkongsi ilmu pengacaraan majlis serta mendapat maklum balas yang sangat bertenaga dan menarik antara peserta dan penceramah bagi dua hari yang telah disampaikan.





Penceramah, Encik Shahril bin Sarapudin yang menyampaikan ceramah penuh bertenaga.





Antara tugasan berkumpulan yang diberikan ialah membuat penyampaian satu metafora setiap kumpulan serta membuat satu forum yang mempunyai moderator dan ahli panel serta dibahaskan mengikut topik yang diberikan.

Pengajaran kedua iaitu orang yg lebih usia atau lebih tinggi ilmunya sekalipun, tidak terlepas drp buat kesilapan2 yg mgnk dianggap kecil...justeru itu, berlapang dada lah apabila melihat atau ditunjukkan keberan ini yg termasuk atau dianggap tidak punya ilmu yg tinggi seligamana regurun ibu benar dan tidak bersalah dgn syarak (walaupun kadangkala cara itu tidak kena)...

Noorfarah Aqella Suhaimi to Everyone  
baik

INSTUN-MAHRUZAMAN to Everyone  
tgh rehat ke

Nur Faiezah\_INSTUN to Everyone  
ye rehat en mahruz

Hari ketiga Encik Shahril Sarapudin terpaksa mengundur diri kerana mendapat panggilan bagi mengacara majlis untuk majlis yang dirasmikan oleh Perdana Menteri. Pada saat terakhir, Encik Ahmad Fedri Yahya, Pengacara "Malaysia Hari Ini" TV3 dan Encik Mior Abdul Malek Raiyani, Pembaca Berita Buletin Utama TV3 tampil memberikan ceramah.



Penceramah, Encik Ahmad Fedtri Yahya menyampaikan ceramah dengan penuh puitis.

A screenshot of a Zoom video conference. The main frame shows a man with glasses and a patterned shirt, wearing white earphones, speaking. Behind him is a bookshelf. The top bar shows a pinned share screen from "SUARA RAGAM". The right side shows a "Chat" window with messages from various participants. The bottom bar shows the Windows taskbar and system status.

Penceramah, Encik Mior Abdul Malek Raiyani menyampaikan ceramah mengikut cara intonasi yang menarik.

Pada hari terakhir, diakhiri dengan majlis perasmian penutup kursus oleh Puan Norehan binti Omar, Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara dan sesi bergambar.

